

VOL 4 | ISU 2

APRIL - JUN 2025



Akademi Profesor
MALAYSIA

BULETIN

AKADEMI PROFESOR MALAYSIA



Sidang Redaksi

Penasihat

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman

Ketua Editor

Profesor Dr. Mohd Cairul Iqbal Mohd Amin

Editor & Reka Bentuk Grafik

Puan Nur Farhah Nabihan Ismail

Pegawai Komunikasi

Puan Nai'mah Isa



+601128005741



akademiprofesor.org.my



akademiprofesor@gmail.com

BULETIN RASMI
AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

Isi Kandungan

Kata Alu-Aluan Presiden	3
Jaringan Mesyuarat Penyelaras Program Global Forum: Madani Muslim Minority Nexus	4
Pelancaran Program Pelancaran Program <i>Certified Smoking Cessation Service Trainer (CSCST)</i>	5
Seminar Seminar Masterclass "Updates on Smoking and Vaping Cessation - Best Practice & Future Directions"	6
Simposium Malaysia Universal Acceptance Symposium 2025	7
Program Siri Pengukuhan Tenaga Akademik (Siri 1)	8
Siri Syarahan Fellow APM Falsafah Islam Dalam Konteks Pertahanan dan Keselamatan	13
Perbincangan Meja Bulat (RTD) <i>Towards Sustainable Peace in Gaza</i>	14
Perbincangan Meja Bulat (RTD) Resolusi Akhir	16
Mesyuarat Mesyuarat Majlis	20
Mesyuarat Mesyuarat Pengurusan	21
Mesyuarat Mesyuarat Kluster dan Jawatankuasa 2025	22
Penyertaan Agenda AWANI: Tarif Timbal Balik AS Bersediakah Kita?	23
Penyertaan Niaga Awani: ASEAN+3 Jadi Mekanisme Daya Tahan Ekonomi	24
Penyertaan Buletin Awani Khas: Mesyuarat Khas Parlimen Tarif Amerika Syarikat: Apa Langkah Malaysia	25
Penyertaan Agenda AWANI: AS-China setuju tangguh, kurangkan tariff	26
Penyertaan SPM Nadi Seri Pagi: Memperkasa Pendidikan Tinggi Negara	27
Penyertaan RTD <i>Political Representation and Advocacy: Amplifying Muslim Minority Voices in Policy and Governance</i>	29
Penerbitan (Kenyataan Media)	30
Penerbitan (Media Massa)	36
Ucapan Tahniah	51
Poster Aktiviti & Program APM	53
Keahlian: Status 30 Jun 2025	56
Takrifan & Akronim	57
Sertai Kami	59

Nota Ketua Editor



**Profesor Dr.
Mohd Cairul Iqbal Mohd Amin**
SETIAUSAHA AGUNG AKADEMI PROFESOR MALAYSIA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
Assalamualaikum wbkth
dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah,

Syukur ke atas limpahan rahmat Ilahi dengan izin-Nya APM berhasil menerbitkan Buletin APM Vol 4 Isu 2, yang merangkumi pelbagai aktiviti APM dari bulan April hingga Jun 2025 (suku kedua tahun 2025) dengan sempurna mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Majlis APM sesi 2023/2025 terus komited meneruskan kecemerlangan yang telah dirintis sebelum ini. APM kini giat melaksanakan pelbagai inisiatif berimpak positif, iaitu melalui kerjasama dengan *The International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS)* di mana terdapat dua program besar yang telah berlangsung iaitu Round Table Discussion (RTD) bertajuk "*Towards a Sustainable Peace in Gaza*" pada 22 April 2025 manakala Madani Muslim Minority Global Forum yang akan berlangsung pada Oktober 2025.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Nur Farhah Nabihan Ismail, atas usaha serta dedikasinya selaku Editor dan Reka Bentuk Grafik untuk Buletin ini. Peranan beliau sebagai Pegawai Tadbir telah memberikan sumbangan yang amat berharga dalam memastikan ahli-ahli APM sentiasa mendapat makluman tentang perkembangan terkini organisasi ini.

Sekian,
Salam Hormat.



Kata Alu-Aluan Presiden

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi, Buletin APM Vol 4 Isu 2 telah berhasil diterbitkan. Setinggi penghargaan diucapkan kepada Sidang Redaksi Buletin APM atas kesungguhan mereka dalam memastikan kelangsungan penerbitan Buletin ini.

Secara keseluruhan, Buletin dalam setiap isu telah berjaya mengumpul dan memaparkan aktiviti-aktiviti utama dan perkembangan APM secara objektif.

Pada tahun 2025 ini, APM akan terus komited dalam usaha advokasi melalui pelbagai program seperti Syarahan Fellow, Wacana APM, dan Sidang Meja Bulat (RTD), yang membincangkan isu-isu dasar secara mendalam.

Pengurusan APM juga komited untuk memastikan kelestarian fiskal dan kecukupan pendanaan untuk menjayakan pelbagai aktiviti yang dirancang.

Saya mengambil kesempatan ini menyeru segenap ahli APM serta para pemegang taruh turut membantu bagi memastikan keberhasilan aspek ini.

Kita harus sentiasa mengingatkan diri bahawa APM sebagai wadah komuniti akademik perlu kekal relevan, tidak kira apa jua perubahan dalam landskap politik negara. Hubungan antara akademik dan pemegang taruh perlu terus dijaga dan diperkukuh.

Apa yang penting adalah kita harus memiliki misi dan fungsi yang jelas serta keinginan yang kuat untuk mencapai apa yang telah kita tetapkan. Semoga APM terus menyerlah dan melonjak demi kepentingan masyarakat dan negara.

Sekian
Salam Hormat.

Jaringan

Mesyuarat Penyelaras Program *Global Forum: Madani Muslim Minority Nexus*

30 April 2025 | 11:00 pagi | IAIS Malaysia



Institut Kajian Tinggi Islam Antarabangsa Pemikiran (IAIS) Malaysia telah menganjurkan satu Mesyuarat Penyelaras bagi membincangkan pelaksanaan *Forum Global: MADANI Muslim Minority (NEXUS) 2025* yang dijadualkan berlangsung pada tahun ini. Mesyuarat ini bertujuan menyelaraskan peranan pelbagai agensi yang terlibat bagi memastikan penganjuran forum berjalan lancar.

Mesyuarat telah dihadiri oleh Timbalan Menteri Agama, YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, IAIS Malaysia, IIUM, YADIM, IKIM, YaPIEM serta beberapa agensi lain manakala APM diwakili oleh Timbalan Presiden, Prof. Dato' Seri Kamal Nasharuddin Mustapha dan seorang pegawai tadbir.

Agenda mesyuarat meliputi perbincangan mengenai pakej penajaan bagi menarik penyertaan penaja strategik, cadangan penganjuran persidangan meja bulat dari Mei hingga September 2025 sebagai persediaan awal kandungan forum, pelantikan ahli *Madani Muslim Minority Network*, serta beberapa hal berbangkit termasuk penubuhan sekretariat bersama dan penglibatan wakil antarabangsa dalam forum.

Pelancaran Program

Pelancaran Program *Certified Smoking Cessation Service Trainer* (CSCST)

KLUSTER PERUBATAN DAN KESIHATAN (PK)

14 April 2025 | Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya



The flyer for the Certified Smoking Cessation Service Trainer (CSCST) program features a blue and white color scheme. At the top left, it displays the CSCST logo and the Rhazes TeleHealth logo. A central image shows a man in a white cap and glasses. To the right is a QR code. The text 'CERTIFIED SMOKING CESSATION SERVICE TRAINER (CSCST)' is prominently displayed in large, bold, blue letters. Below this, it states 'By Rhazes TeleHealth International Sdn Bhd'. A 'JOIN NOW' button is present. A 'Highlights' section lists key details: limited to 1st 50 participants, RM 500 rebate for early registration, duration of 6-12 months, and the program's start in June 2025. It also mentions that participants will learn from local and international experts and earn revenue as certified trainers. A 'Contact Us' section at the bottom provides the website (www.rhazesconsult.com) and phone number (+6013-3938042).

CSCST
CERTIFIED SMOKING CESSATION SERVICE TRAINER

mQuit Rhazes TELEHEALTH
RAKAN mQuit 4.0

CERTIFIED SMOKING CESSATION SERVICE TRAINER (CSCST)

By Rhazes TeleHealth International Sdn Bhd

JOIN NOW

A dynamic self-paced program that consists of e-learning, workshops, case discussions, presentations, OSCE, etc.

Become Certified Trainers, for level 2 Certified Smoking Cessation Service Provider (CSCSP), under Rhazes TeleHealth a recognized mQuit Phase 4.0 Partner (2025-2030), Ministry of Health, Malaysia.

Highlights:

- Limited to 1st 50 participants only! RM 500 rebate for early bird registration (valid only for those who physically attend the Masterclass program on 14/04/25)
- Duration of program: 6-12 months. CSCST Program will commence June 2025. Learn and interact with local and international experts in smoking and vaping cessation.
- Earn revenue as certified trainers. More details regarding CSCST will be shared on 14.4.25 at Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya. Don't miss this opportunity. Join us Now!

Contact Us

Our Website: www.rhazesconsult.com

Phone Number: **+6013-3938042**

Kluster Perubatan dan Kesihatan (PK)

APM yang diketuai oleh Profesor Dr. Mohamad Haniki Nik Mohamed, Ketua Pasukan Bertindak Berhenti Merokok Kluster Perubatan dan Kesihatan APM telah melancarkan Program *Certified Smoking Cessation Service Trainer* (CSCST) pada 14 April 2025 di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya. Inisiatif ini merupakan satu langkah penting dalam memperkukuh strategi kawalan tembakau negara melalui penyeragaman latihan perkhidmatan berhenti merokok dan vape kepada para profesional kesihatan.

Program ini akan mewujudkan rangka kerja pensijilan tahap 3 bagi penyedia perkhidmatan kesihatan, di samping menyelaraskan latihan sedia ada kepada satu standard kebangsaan.

Latihan ini menggunakan pendekatan pembelajaran bercampur (*blended learning*) yang merangkumi e-pembelajaran, bengkel, dan kajian kes. Ia memberi penekanan kepada penilaian pesakit, perancangan rawatan, dan dokumentasi selaras dengan Garis Panduan Amalan Klinikal terkini bagi rawatan ketagihan nikotin dan penggunaan tembakau.

Program CSCST dijadual bermula Jun 2025, dengan tempoh antara 6 hingga 12 bulan. Ia menyasarkan 50 peserta terawal dan menawarkan rebat pendaftaran awal sebanyak RM500. Antara objektif utama program ini termasuk:

- Melatih profesional dalam intervensi berasaskan bukti seperti teknik motivasi, protokol farmakoterapi, dan keperluan populasi khas;
- Mengintegrasikan perkhidmatan berhenti merokok dalam sistem penjagaan kesihatan arus perdana;
- Mencapai kadar kejayaan berhenti merokok sekurang-kurangnya 15% dalam kalangan kumpulan berisiko tinggi melalui pengurusan kes yang berstruktur.

Seminar

Seminar Masterclass *"Updates on Smoking and Vaping Cessation - Best Practice & Future Directions"*

KLUSTER PERUBATAN DAN KESIHATAN (PK)

14 April 2025 | Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya



Kluster Perubatan dan Kesihatan (PK) APM bersama Rhazes TeleHealth International turut menganjurkan satu Seminar Masterclass bertajuk *"Updates on Smoking and Vaping Cessation - Best Practice & Future Directions"*. Seminar separuh hari ini menawarkan mata CPD dan membincangkan cabaran semasa serta pendekatan rawatan terkini berhenti merokok dan vaping berasaskan bukti.



Seminar Masterclass ini menampilkan pakar terkemuka termasuk Profesor Dr. Mohamad Haniki Nik Mohamed yang membentangkan garis panduan rawatan baharu Malaysia bagi berhenti merokok dan penggunaan vape, serta Profesor Dr. Renee Bittoun, Pakar Rawatan Nikotin dari Avondale University, Australia, yang berkongsi strategi berjaya pengurangan merokok di Australia, penggunaan biopenanda (*biomarker*) dalam ketagihan nikotin, dan amalan terbaik dalam intervensi tingkah laku serta farmakoterapi.

Symposium

Malaysia Universal Acceptance Symposium 2025

BRIDGING DIGITAL DIVIDE WHILE PRESERVING NATIONAL HERITAGE

KLUSTER SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (STI)

22 Mei 2025 | Park Inn by Radisson, Putrajaya



Kluster Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) APM telah menganjurkan program *Malaysia Universal Acceptance Symposium 2025* pada 22 Mei 2025 dengan kerjasama Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan *Internet Corporation for Assigned Names and Numbers (ICANN)* bertempat di Park Inn by Radisson, Putrajaya.



Profesor Dr. Abdullah Mohd Zin telah mewakili Akademi Profesor Malaysia dalam menyampaikan ucapan alu-aluan kepada para peserta yang hadir ke simposium yang penuh bermakna ini.

Acara penting ini menghimpunkan pakar industri, ahli akademik dan pemimpin teknologi bagi memperjuangkan agenda Universal Acceptance (UA), iaitu inisiatif untuk mempromosikan ekosistem internet yang lebih inklusif dan berbilang bahasa.

Program

SIRI PENGUKUHAN TENAGA AKADEMIK (SIRI 1)

SESI 1 - *Writing Winning Research Grant Proposals* | 17 April 2025

WRITING WINNING RESEARCH GRANT PROPOSALS
PROFESOR DR. OMAR YAAKOB, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
17 APRIL 2025, 10:00 AM - 12:00 PM ZOOM (Link provided)

KEY TAKEAWAYS

- FUNDING LANDSCAPE**
 - Explore international (e.g. Horizon Europe, British Council) and Malaysian (e.g. MOHE, MOSTI) grant programs.
 - Align proposals with national priorities (MySTIE 10-10, SDGs) and global agendas.
- PROPOSAL ESSENTIALS**
 - Clarity:** Titles and content must reflect and suited for the respective research goals.
 - Rigor:** Define SMART objectives, robust methodologies, and justified budgets.
 - Impact:** Demonstrate relevance to socio-economic challenges and policy frameworks.
- AVOIDING REJECTION**
 - Ensure technical compliance with guidelines and deadlines, showcase genuine teamwork and ethical research practices, and strengthen the proposal with industry letters of support and interdisciplinary collaboration.
- SUCCESS STRATEGIES**
 - Leverage platforms like ResearchGate for networking, adhere to Malaysia's Code of Responsible Conduct in Research, and refine proposals through iterative reviews and thorough proofreading.

WHO SHOULD ATTEND?
Researchers, academics, and grant coordinators seeking to enhance their proposal skills and secure funding.

Equip participants with actionable insights to transform innovative ideas into funded projects.

Program Siri Pengukuhan Tenaga Akademik Sesi 1 bertajuk “*Writing Winning Research Grant Proposals*” telah berjaya dianjurkan pada 17 April 2025 dengan penyertaan seramai 56 orang dan disampaikan secara atas talian oleh **Profesor Dr. Omar bin Yaakob**, Fellow APM dari Universiti Teknologi Malaysia.

Program ini bertujuan untuk memberikan panduan strategik kepada para penyelidik dalam menyediakan cadangan geran penyelidikan yang berdaya saing dan berpotensi tinggi untuk memperoleh pembiayaan.



Antara kandungan utama yang dibincangkan merangkumi pemahaman lanskap pembiayaan di peringkat nasional dan antarabangsa (seperti KPT, MOSTI, Horizon Europe, dan British Council), penjajaran cadangan dengan agenda nasional seperti MySTIE 10-10 dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs), serta elemen penting penulisan cadangan yang menekankan kejelasan objektif, metodologi yang kukuh, impak sosio-ekonomi, dan kepatuhan teknikal.

Peserta turut didedahkan kepada amalan terbaik bagi mengelakkan permohonan geran ditolak, termasuk pematuhan garis panduan, etika penyelidikan, kerjasama merentas disiplin, dan sokongan industri. Strategi kejayaan turut melibatkan penggunaan platform jaringan penyelidikan seperti ResearchGate dan pematuhan kepada Kod Etika Penyelidikan Malaysia.

Program ini telah memberi manfaat kepada para penyelidik, pensyarah dan penyelaras geran dalam meningkatkan keupayaan menyediakan permohonan geran yang lebih mantap serta berpotensi untuk diluluskan.

Program

SIRI PENGUKUHAN TENAGA AKADEMIK (SIRI 1)

SESI 2 - *Driving Impactful Partnership* | 24 April 2025

DRIVING IMPACTFUL PARTNERSHIP

PROFESOR IR. TS. DR. ZAINUDDIN BIN ABD MANAN,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

24 APRIL 2025, 10:00 AM - 12:00 PM ZOOM (Link provided)

SESSION GOAL
This session is to empower participants with the mindset, strategies, and practical steps to build professional networks, unlock new opportunities, and drive collaborative success within industrial ecosystems

KEY HIGHLIGHTS

- COMMON PURPOSE
- NICHE, AND COMPLEMENTARY OFFERINGS
- UNIQUE OVERALL VALUE PROPOSITION
- MINIMISE RESOURCES AND COSTS
- MAXIMISE BENEFITS, EXPERIENCE, PROFIT

WHO SHOULD ATTEND?
Researchers, Academicians, Industry, Business Professionals, Entrepreneurs and Start-ups

REGISTER NOW

Program Siri Pengukuhan Tenaga Akademik Sesi 2 bertajuk "*Driving Impactful Partnership*" telah berjaya dianjurkan pada 24 April 2025 dengan penyertaan seramai 30 orang dan disampaikan secara atas talian oleh **Profesor Ir. Ts. Dr. Zainuddin bin Abd Manan** Fellow APM dari Universiti Teknologi Malaysia.

Sesi ini bertujuan untuk memperkasa peserta dengan pemikiran strategik, pendekatan praktikal, dan langkah-langkah berkesan dalam membina jaringan profesional, membuka peluang baharu, serta memacu kejayaan kolaboratif dalam industri.



Antara perkara utama yang diketengahkan dalam sesi ini termasuklah keperluan menyelaraskan matlamat bersama antara pihak berkepentingan, memanfaatkan tawaran yang saling melengkapi, membina nilai unik dalam kerjasama, mengoptimumkan sumber serta kos, dan akhirnya memaksimumkan manfaat, pengalaman dan pulangan kepada semua pihak terlibat.

Program ini disasarkan kepada para penyelidik, ahli akademik, profesional industri, usahawan dan syarikat pemula (*start-up*) yang berhasrat untuk meneroka peluang kerjasama baharu serta memperkukuh jaringan profesional dalam persekitaran perniagaan dan penyelidikan yang saling menyokong.

Secara keseluruhannya, program ini telah memberi pendedahan berharga kepada peserta dalam membina perkongsian strategik yang lestari dan memberi pulangan tinggi kepada institusi dan industri.

Program

SIRI PENGUKUHAN TENAGA AKADEMIK (SIRI 1)

SESI 3 - *Supervision of PhD Students* | 08 Mei 2025

SUPERVISION OF PHD STUDENTS
PROFESOR DR. SAHRIM BIN H.J. AHMAD, FASc.
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
8 MAY 2025, 10:00 AM - 12:00 PM ZOOM (Link provided)

KEY HIGHLIGHTS


- 1 WHY SUPERVISION**
 - Importance of PhD supervision in research culture and academic lineage
 - Supervisors as mentors, project managers, and gatekeepers of quality
 - Overview of supervision challenges
- 2 ROLES AND RESPONSIBILITIES OF A SUPERVISOR**
 - Academic guidance: topic, methodology, critical thinking
 - Project planning and timeline monitoring
 - Emotional and motivational support
 - Ethical responsibility: plagiarism, authorship, data integrity
- 3 EFFECTIVE COMMUNICATION AND RELATIONSHIP MANAGEMENT**
 - Establishing regular meetings and feedback routines
 - Setting boundaries and expectations
 - Navigating difficult conversations and conflicts
- 4 TOOLS AND TECHNIQUES FOR PRODUCTIVE SUPERVISION**
 - Supervision agreements/learning contracts
 - Progress tracking tools
 - Writing support, encouraging publishing and conference participation
- 5 ETHICAL AND PROFESSIONAL ISSUES**
 - Co-authorship guidelines
 - Cross-cultural and gender-sensitive supervision
 - Dealing with underperformance or misconduct
- 6 CASE STUDIES OR SCENARIOS (INTERACTIVE)**

WHO SHOULD ATTEND?
PhD supervisors, Academicians, Postgraduate coordinators

REGISTER NOW

Pada 8 Mei 2025, satu sesi perkongsian ilmiah Sesi 3 Program Siri Pengukuhan Tenaga Akademik bertajuk "*Supervision of PhD Students*" dengan penyertaan seramai 54 orang telah disampaikan secara talian oleh **Profesor Dr. Sahrin bin Hj. Ahmad**, Fellow APM dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Program ini memberi fokus kepada amalan penyeliaan siswazah yang berkesan, sejajar dengan aspirasi peningkatan kualiti penyelidikan dan pembangunan akademik di institusi pengajian tinggi.



Antara topik utama yang dibincangkan termasuk kepentingan penyeliaan dalam membentuk budaya penyelidikan dan kesinambungan akademik, peranan dan tanggungjawab penyelia dari aspek akademik, perancangan projek, sokongan emosi dan pematuhan etika. Turut ditekankan ialah aspek komunikasi yang efektif, pengurusan hubungan dengan pelajar, penggunaan alat pemantauan kemajuan, serta galakan kepada penerbitan dan penyertaan persidangan.

Program ini turut membincangkan isu-isu profesional dan etika seperti garis panduan bersama penulisan (*co-authorship*), kepekaan budaya dan jantina dalam penyeliaan, serta pendekatan menangani masalah prestasi pelajar. Sesi interaktif melalui perbincangan kajian kes telah menambah nilai kepada pemahaman peserta mengenai cabaran sebenar penyeliaan.

Secara keseluruhan, program ini telah memberi pendedahan berguna kepada para peserta dalam meningkatkan kualiti penyeliaan siswazah sejajar dengan amalan terbaik akademik dan penyelidikan.

Program

SIRI PENGUKUHAN TENAGA AKADEMIK (SIRI 1)

SESI 4 - *Publishing In Top Journals* | 15 Mei 2025

PUBLISHING IN TOP JOURNALS: STRATEGIES AND INSIGHTS
PROFESSOR (Rtd) DR. AZMAN HASSAN, FAPM, FASc.
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
15 MAY 2025, 10:00 AM - 12:00 PM ZOOM (Link provided)

SESSION GOAL
Discover the criteria for high-quality research, effective strategies for publishing in top journals, navigating the peer review process, increasing visibility, and leveraging AI tools to enhance research writing success

KEY HIGHLIGHTS

- HIGH-QUALITY RESEARCH AS THE FOUNDATION FOR PUBLICATION IN TOP JOURNALS**
 - Essential criteria for impactful research that ensures eligibility for publication in top journals
- STRATEGIC JOURNAL SELECTION AND SUBMISSION**
 - Choosing the right journal, crafting a strong manuscript, and writing a persuasive cover letter to ensure success
- NAVIGATING PEER REVIEW AND FEEDBACK**
 - Insights into the peer review process, addressing reviewer comments, and maintaining ethical publication practices
- BUILDING IMPACT AND VISIBILITY**
 - Boosting citability, engaging with the academic community, and effectively promoting your published work
- APPLICATIONS OF AI IN RESEARCH PAPER WRITING**
 - Benefits and limitations
 - Types of AI tools and their functions
 - Techniques for using prompts effectively to achieve optimal results

WHO SHOULD ATTEND?
Academics, researchers, postdoctoral scholars, postgraduates & undergraduate students seeking effective strategies for publishing in top journals and maximizing research impact.

REGISTER NOW

Pada 5 Mei 2025, telah berlangsungnya Program Siri Pengukuhan Tenaga Akademik Sesi 4 yang bertajuk "*Publishing in Top Journals: Strategies and Insights*" secara atas talian dan disampaikan oleh **Profesor (B) Dr. Azman Hassan**, Fellow APM dari Universiti Teknologi Malaysia. Seramai 100 orang peserta telah menyertai program ini.


Sesi ini memberi penekanan kepada strategi berkesan untuk menerbitkan artikel dalam jurnal berimpak tinggi, di samping memahami proses semakan *peer review*, meningkatkan keterlihatan penyelidikan dan menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam penulisan akademik.

Dr Azman Hassan
Professor of Polymer Composites, Universiti Teknologi Malaysia
Verified email at chem.um.my - 1302202020
Polymer Nanocomposites · Graphene · Polymer Blends · Flame Retardancy · Biocomposites

Top Research Scientist Malaysia 2016

Scopus H-Index : 51

World's Top 2 Percent Scientists



Kandungan Utama:

1. Penyelidikan Berkualiti Tinggi Sebagai Asas Penerbitan
2. Strategi Pemilihan Jurnal dan Penyerahan Artikel
3. Proses Semakan Rakan Sebaya dan Pengendalian Maklum Balas
4. Membina Impak dan Keterlihatan Penyelidikan
5. Aplikasi AI dalam Penulisan Artikel Penyelidikan

Program ini telah berjaya mempertingkatkan pemahaman peserta terhadap strategi-strategi penting dalam menghasilkan dan menerbitkan artikel penyelidikan berkualiti tinggi. Pendedahan kepada penggunaan alat AI dalam penulisan turut memberi nilai tambah selaras dengan perkembangan teknologi semasa. Program ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan kadar penerbitan dalam jurnal bereputasi tinggi oleh penyelidik tempatan.

Program

SIRI PENGUKUHAN TENAGA AKADEMIK (SIRI 1)

SESI 5 - *Innovation and Value Creation* | 22 Mei 2025

The flyer features the logo of the Akademi Profesor Malaysia at the top. Below it is a circular portrait of Professor Dato' Dr. Mohd Ali Hassan. The title 'INNOVATION AND VALUE CREATION' is prominently displayed. The speaker's name and affiliation, 'PROFESSOR DATO' DR. MOHD ALI HASSAN, FAPM, FASC. UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA', are listed. The date and time, '22 MAY 2025, 10:00 AM - 12:00 PM', and the platform, 'ZOOM (Link provided)', are also included. A 'SESSION GOAL' section states: 'This session provides the context of innovation in relation to value-creation in the RDCIE landscape. Attendees will learn why it is necessary to have the innovative mindset and how to ensure the impact of innovation is achieved.' A 'KEY TAKEAWAYS' section lists three points: 1. Understanding the need to have innovation as an important goal in R&D. 2. Cultivating the innovation mindset with value-creation. 3. Creating outcome and impact through innovation. A 'WHO SHOULD ATTEND?' section lists: Researchers, academics, industry players; and Administrators who want to ensure that innovation is at the heart of the RDCIE ecosystem for the successful outcome and maximum impact of R&D expenditures and efforts. A 'REGISTER NOW!' call to action with a QR code is at the bottom right. A small text box at the bottom left says: 'Equip participants with the knowledge, understanding and the innovative mindset when undertaking R&D projects, including approval, appraisal and monitoring.'

Satu sesi bertajuk "*Innovation and Value Creation*" iaitu sesi ke-5 Program Pengukuhan Tenaga Akademik telah diadakan secara dalam talian pada 22 Mei 2025 dengan penyertaan seramai 49 orang yang disampaikan oleh **Profesor Dato' Dr. Mohd Ali Hassan**, dari Universiti Putra Malaysia yang juga selaku Fellow APM dan Pengerusi Kluster Tenaga Boleh Diperbaharui APM.

Sesi ini memberi tumpuan kepada peranan inovasi dalam menjana nilai dalam ekosistem Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan, Inovasi dan Keusahawanan (RDCIE).

The screenshot shows a Zoom meeting in progress. On the left, a large video window displays a presentation slide titled '*Innovation and Value-Creation - for academics, researchers, industry players and policy makers -'. The slide lists an agenda: 1. Begin with Bismillah..., 2. Sharing session/10 slides... 90 mins, 3. Q&A... 30 mins. It also includes the UPM logo and the tagline 'With Knowledge We Serve'. The right side of the screenshot shows a grid of 24 smaller video windows, each displaying a participant's face. Names like Amin Azman, Balqis Darius, MUNIFAH YUSUF, Rafidah Bahari, and others are visible above the windows.

Fokus Utama Program:

1. **Memahami Kepentingan Inovasi** – Menjelaskan keperluan menjadikan inovasi sebagai matlamat utama dalam aktiviti R&D.
2. **Membudayakan Pemikiran Inovatif dengan Penjana Nilai** – Menerapkan sikap inovatif dalam keseluruhan proses penyelidikan.
3. **Mencapai Hasil dan Impak melalui Inovasi** – Menekankan kepada pencapaian impak maksimum dan pulangan kepada pelaburan R&D.


Program ini bertujuan membekalkan penyelidik, ahli akademik, pemain industri dan pentadbir dengan pengetahuan tentang kepentingan pemikiran inovatif dalam pelaksanaan projek R&D, bagi memastikan inovasi menjadi teras ekosistem RDCIE dan mendorong hasil penyelidikan yang mampan serta berimpak tinggi.

Siri Syarahan Fellow APM

FALSAFAH ISLAM DALAM KONTEKS PERTAHANAN DAN KESELAMATAN

6 MEI 2025 | 10.30 PAGI | UIAM

Profesor Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar, Fellow Kehormat APM



Isu Pertahanan dan Keselamatan

Perspektif Falsafah Islam merangkumi perspektif Fiqh dan perundangan (perdamaian dan peperangan), perspektif bio-perubatan (tubuh badan manusia sebagai suatu sistem pertahanan), perspektif kejiwaan dan psikologi (wilayah jiwa dalam konflik dan jihad melawan hawa nafsu) perspektif militer dan ketenteraan (adab dan etika peperangan), perspektif politik dan madani (peradaban kota) dan perspektif kerohanian (tasawwuf)

Perspektif epistemologi tauhidi (penyatu pelbagai perspektif) dan perspektif khayr ummah (*ummatic excellence*) yang berteraskan tiga prinsip:

1. Umat sebagai penjana kebaikan
2. Umat sebagai pembendung keburukan dan kejahatan
3. Umat sebagai kubu pertahanan keimanan.

Pertalian Rapat antara Pertahanan dan Keselamatan

- Pertalian konsepsi (tasawwur): keselamatan dan kedamaian yang perlu dipertahankan dan pertahanan demi keselamatan dan kedamaian
- Pertalian bio-fizikal: pertahanan dan keselamatan adalah dua dimensi dalaman manusia yang semulajadi dan tabii kepada diri manusia
- Demi kesihatan (anugerah Ilahi) dan keselamatan manusia yang wajib memainkan peranannya sebagai hamba Allah dan khalifah Allah di muka bumi Tuhan menciptanya dengan keupayaan semula jadi untuk mempertahankan diri daripada serangan pelbagai musuh.

Perbincangan Meja Bulat (RTD) *Towards Sustainable Peace in Gaza*

22 April 2025 | 8:00 pagi | IAIS Malaysia



RTD "*Towards a Sustainable Peace in Gaza*", anjuran bersama Akademi Profesor Malaysia (APM) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IAIS Malaysia), telah menghimpunkan pakar, sarjana dan pemikir bagi membincangkan krisis kemanusiaan yang berterusan serta cabaran pemulihan semula di Gaza.

Objektif RTD adalah seperti berikut:

- Memahami isu-isu yang dihadapi oleh rakyat Gaza selepas pencerobohan oleh rejim Israel.
- Membincangkan dan mencadangkan strategi penting bagi tindakan segera dan pemulihan semula Gaza secara mampan.
- Menyediakan pelan tindakan untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa Malaysia.

Perbincangan Meja Bulat (RTD)

Towards Sustainable Peace in Gaza

22 April 2025 | 8:00 pagi | IAIS Malaysia

Menerusi empat kluster tematik — Politik, Pendidikan, Kesihatan dan Sosial, para peserta terlibat dalam perbincangan mendalam bagi mengenal pasti isu-isu kritikal dan merangka pelan tindakan yang bersifat segera serta jangka panjang.

Barisan Moderator:

- **Politik** : Profesor Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani, UUM
- **Pendidikan** : Profesor Dr. Awaluddin Mohamed Shaharoun, UTM
- **Kesihatan** : Profesor Dr. Mohamed Rusli Abdullah, USM
- **Sosial** : Profesor Dr. Chin Yee Whah, USM

Resolusi akhir yang menggabungkan cadangan utama daripada setiap kluster akan dikemukakan kepada Pejabat Perdana Menteri (PMO), kementerian-kementerian berkaitan, serta pihak berkepentingan, sebagai sokongan terhadap komitmen Malaysia dalam memperjuangkan keamanan, keadilan dan usaha membina semula Gaza.



Perbincangan Meja Bulat (RTD) *Towards Sustainable Peace in Gaza*



**Profesor Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani,
Pengerusi Kluster Governans, Kepimpinan dan Hubungan Antarabangsa (GKHA)
APM**

RESOLUSI AKHIR POLITIK

- 1) Malaysia perlu memulakan **Dialog Selatan-Selatan (Global) mengenai Palestin**, dengan menghidupkan semula multilateralisme melalui penglibatan bersepadu bersama negara-negara seperti Indonesia, Brazil, Turkiye, Afrika Selatan dan China. Pakatan ini akan membangunkan pelan tindakan bersama bagi tekanan perundangan, ekonomi dan diplomatik ke atas Israel, di samping mendedahkan piawaian berganda Barat serta menegaskan komitmen Selatan Global terhadap undang-undang antarabangsa.
- 2) Dalam mempertahankan suatu peraturan berasaskan undang-undang, Malaysia harus **menuntut pelaksanaan penuh resolusi PBB**, termasuk hak untuk kembali, hak sama rata bagi rakyat Palestin di Israel, dan penghentian pendudukan. Malaysia juga harus melobi Perhimpunan Agung PBB untuk mempertimbangkan menggantung keanggotaan Israel kerana pelanggaran berterusan terhadap undang-undang antarabangsa, berdasarkan preseden era apartheid Afrika Selatan.
- 3) Malaysia harus memperdalam koordinasi **dengan pengantara serantau seperti Qatar, Turki, Egypt dan Indonesia** untuk menyelaraskan strategi kemanusiaan dan politik. Inisiatif bersama mungkin termasuk menyokong bersama resolusi, advokasi undang-undang, kempen media, dan menganjurkan persidangan yang dipimpin oleh belia yang berfokus pada keadilan dan pembebasan untuk Palestin.
- 4) Secara domestik, Malaysia perlu membina **solidariti nasional yang berterusan** melalui gabungan yang bersatu antara NGO, kumpulan pelajar, akademik, dan institusi agama. Gabungan ini akan mempromosikan literasi politik, menggerakkan tindakan aman, dan menyokong gerakan masyarakat sivil global—termasuk protes pelajar dan kempen digital—sebagai sebahagian daripada penentangan yang lebih luas terhadap penjajahan dan apartheid.

Perbincangan Meja Bulat (RTD)

Towards Sustainable Peace in Gaza



**Profesor Dr. Awaluddin Mohamed Shaharoun,
Pengarah Pusat Kecemerlangan Palestin (PACE)**

RESOLUSI AKHIR PENDIDIKAN

- 1) Malaysia harus melancarkan **Respons Pendidikan Kecemasan di Gaza** dengan menyediakan bilik darjah mudah alih yang dikendalikan oleh pendidik tempatan yang terlatih menggunakan kurikulum Palestin yang disesuaikan. Universiti-universiti di Malaysia boleh menyediakan penyeliaan dalam talian kepada pelajar pasca siswazah yang pengajiannya terganggu, dengan sokongan alat digital seperti komputer riba, projektor, dan kit solar bagi mengatasi halangan akses.
- 2) Satu mekanisme pembiayaan mampan perlu diwujudkan melalui syarikat milik kerajaan (GLC), badan wakaf, inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR), dan kempen awam untuk menyokong pembelajaran hibrid. Ini termasuk latihan bagi guru, pembangunan kandungan digital, serta penubuhan **Hab Pendidikan Digital Malaysia-Gaza** bagi penyampaian pendidikan jangka panjang.
- 3) Sebuah **Jawatankuasa Pendidikan Malaysia-Gaza** wajar ditubuhkan dengan menghimpunkan kementerian, institusi akademik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan pihak swasta bagi menyelaras strategi serta mobilisasi sumber. Beroperasi dalam kerangka dasar kebangsaan, jawatankuasa ini akan memastikan segala usaha selaras dengan kedaulatan Gaza dan kepentingan Malaysia.

Perbincangan Meja Bulat (RTD) *Towards Sustainable Peace in Gaza*



**Profesor Dr. Mohamed Rusli Abdullah,
Pengerusi Kluster Perubatan dan Kesihatan (PK) APM**

RESOLUSI AKHIR KESIHATAN

- 1) Menubuhkan sebuah **Badan Penyelarasan Pusat bagi Tindak Balas Kesihatan Gaza**, yang berpotensi ditempatkan di bawah Institut Antarabangsa Pemikiran Islam dan Ketamadunan (IAIS) dan Akademi Profesor Malaysia (APM), bagi menyelaraskan usaha kerajaan, akademik, NGO, dan sektor swasta. Badan ini akan mengurus penghantaran perubatan, mengelakkan pertindihan usaha, serta memastikan ketelusan selaras dengan piawaian tindak balas kecemasan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).
- 2) Melaksanakan **strategi modal insan** dengan menawarkan biasiswa dan latihan kepada pelajar Gaza dalam bidang berkaitan penjagaan kesihatan melalui universiti-universiti Malaysia. Ini merangkumi modul hibrid, kursus rawatan trauma, serta latihan juruteknik perubatan kecemasan (EMT) bertauliah yang selaras dengan amalan terbaik antarabangsa.
- 3) Melaksanakan strategi berfasa bagi infrastruktur kesihatan, bermula dengan klinik bergerak dan hab perkhidmatan serantau, diikuti dengan pembangunan hospital modular melalui kerjasama dengan rakan kongsi yang ditetapkan di Malaysia. Pelan ini hendaklah merangkumi perkhidmatan penting termasuk air, sanitasi dan kebersihan (WASH), sokongan kesihatan mental, serta penjagaan kesihatan ibu dan reproduktif.

Perbincangan Meja Bulat (RTD) *Towards Sustainable Peace in Gaza*



**Profesor Dr. Chin Yee Whah,
Pengerusi Kluster Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Nasional (KSPN) APM**

RESOLUSI AKHIR SOSIAL


- 1) Melancarkan **Inisiatif Psikososial Malaysia-Gaza** dengan menggerakkan pasukan tindak balas trauma bagi keluarga pelarian, khususnya wanita dan kanak-kanak (dikuasai oleh KPWKM, MERCY Malaysia, dan Yayasan Hasanah). Menubuhkan pusat kaunseling berasaskan komuniti yang dibiayai melalui zakat dan wakaf, serta melatih penyedia perkhidmatan tempatan.
- 2) Memulakan **kempen advokasi digital peringkat kebangsaan** bagi menangani penyelewengan maklumat dan memperkukuh solidariti dengan Palestin (dikuasai oleh Kementerian Komunikasi dan NGO belia). Menggalakkan penggunaan platform beretika seperti Ecosia bagi memupuk aktivisme bertanggungjawab dalam kalangan belia Malaysia.
- 3) **Pemulihan institusi komuniti**—termasuk sekolah, masjid, dan pusat komuniti—sebagai zon selamat untuk pendidikan, kaunseling, dan kepimpinan belia. Bekerjasama dengan UNRWA dan NGO Palestin, serta memperjuangkan perlindungan institusi ini di peringkat antarabangsa di bawah undang-undang kemanusiaan.

Mesyuarat

Ahli Majlis Sesi 2023/2025

Mesyuarat Majlis Bil 10

16 Mei 2025 | 10 pagi | Zoom Meeting



Dalam gambar (dari kiri atas): Prof. Dr. Chin Yee Whah (KSPN), Pn. Naimah Isa (Pegawai Tadbir), Prof. Dato' Seri Salleh Yaapar (AFK), Prof. Dr. Nordin Yahaya (STI), Prof. Dato' Seri Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha (TP), Prof. Dr. Azizudin Sani (GKHA), Pn. Nur Farhah Ismail (Pegawai Tadbir), Prof. Dr. Adlina Suleiman (PSUA), Prof. Dr. Rusli Mohamed (PK), Prof. Mohd Cairul Iqbal (SUA). Tiada di dalam gambar: Prof. Dato' Tengku Sembok (KP) dan Prof. Dato' Dr. Mohd Ali Hassan (RE)

Mesyuarat Majlis Bil10 Sesi 2023/2025 dipengerusikan oleh Presiden APM, Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha, Timbalan Presiden APM dihadiri oleh sepuluh (10) Ahli Majlis. Mesyuarat ini membincangkan beberapa agenda seperti berikut:

Agenda:

- Kata alu-aluan Pengerusi
- Mengesahkan Minit Mesyuarat Majlis Bil9 Sesi 2023/2025
- Laporan perkara berbangkit Mesyuarat Majlis Bil9 Sesi 2023/2025
- Laporan Bendahari
- Laporan Kluster
- Global Madani Forum (MGF)
- Persiapan MAT2025
- Laporan Program Siri Pengukuhan Tenaga Akademik
- Hal-hal lain

Mesyuarat

Pengurusan Sesi 2023/2025

Mesyuarat Pengurusan Bil 16

15 Mei 2025 | 10 pagi | Urbanhive, Conezion



Dalam gambar (dari kiri): Puan Farhah Ismail (Pegawai Tadbir), Prof. Emeritus Dr. Jamal Othman (Presiden), Prof. (B) Dato' Seri Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha (Timbalan Presiden) dan Prof. Abdullah (Bendahari). Tiada di dalam gambar: Prof. Dr. Mohd Cairul Iqbal (SUA), Puan Naimah Isa (Pegawai Tadbir)

Mesyuarat Pengurusan Bil16 Akademi Profesor Malaysia (APM) sesi 2023/2025 dipengerusikan oleh Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Presiden APM telah dihadiri oleh empat (4) orang ahli pengurusan, serta dua orang urus setia. Mesyuarat ini merupakan mesyuarat penyelarasan bagi mengemaskini beberapa perkara seperti agenda berikut:

Agenda:

- Laporan Perkara Berbangkit Mesyuarat Pengurusan Bil15 Sesi 2023/2025
- Laporan Bendahari
- Global Madani Forum
- Persiapan MAT 2025
- Halaman Wikipedia APM

Mesyuarat Pengurusan Bil 17

19 Jun 2025 | 11:00 tengah hari | Urbanhive, Conezion



Mesyuarat Pengurusan Bil17 sesi 2023/2025 dipengerusikan oleh Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Presiden APM membincangkan beberapa perkara seperti agenda berikut:

Agenda:

- Mengesahkan minit Mesyuarat Pengurusan Bil16 Sesi 2023/2025
- Laporan Perkara Berbangkit Mesyuarat Pengurusan Bil16 Sesi 2023/2025
- Laporan Bendahari
- Persiapan MAT 2025
- Pelantikan Pembantu Pegawai Tadbir Sementara

Mesyuarat

Mesyuarat Kluster dan Jawatan Kuasa 2025



Konvensyen Akademia 2025

1. Mesyuarat KA25 | 23 Jun 2025



Sekretariat

1. Mesyuarat JK STI | 10 April 2025
2. Mesyuarat JK STI | 11 April 2025
3. Mesyuarat JK STI | 17 April 2025



Jawatankuasa RTD dan Madani Global Forum

1. Mesyuarat JK | 09 April 2025
2. Mesyuarat JK | 11 April 2025
3. Mesyuarat JK | 21 April 2025

Penyertaan

Agenda AWANI: Tarif Timbal Balik AS | Bersediakah Kita?

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Pengerusi Kluster Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial telah dijemput untuk berkongsi pandangan mengenai Tarif Timbal Balik AS secara langsung pada 08 April 2025, 9 malam di Astro Awani.



Segmen ini membincangkan apakah strategi yang boleh diambil oleh Malaysia dan negara-negara ASEAN lain untuk mengurangkan impak tarif timbal balik oleh Amerika Syarikat yang berkuatkuasa pada 9 April 2025.

Pautan untuk tontonan semula: <https://shorturl.at/7cfvf>

Penyertaan

Niaga Awani: ASEAN+3 Jadi Mekanisme Daya Tahan Ekonomi

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Pengerusi Kluster Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial telah dijemput untuk berkongsi pandangan mengenai ASEAN+3 Jadi Mekanisme Daya Tahan Ekonomi secara langsung pada 09 April 2025, 9 pagi di Astro Awani.



Malaysia berpeluang memperkukuh daya saing ekonomi serantau melalui kerjasama dalam ASEAN Plus Three (APT) bersama China, Jepun, dan Korea Selatan. Namun, ketegangan geopolitik antara kuasa besar memerlukan strategi diplomatik yang seimbang dan bijaksana. Segmen ini membincangkan pendekatan terbaik Malaysia dalam memanfaatkan peluang tanpa mengorbankan hubungan serantau.

Pautan untuk tontonan semula: <https://tinyurl.com/2yavxfms>

Penyertaan

Buletin Awani Khas: Mesyuarat Khas Parlimen Tarif Amerika Syarikat: Apa Langkah Malaysia

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Pengerusi Kluster Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial telah dijemput untuk berkongsi pandangan mengenai “Apa Langkah Malaysia?” secara langsung pada 5 Mei 2025, 10.30 pagi di Astro Awani.



Segmen Buletin AWANI Khas sempena Mesyuarat Khas Parlimen ini menumpukan perhatian kepada isu tarif yang dikenakan oleh Amerika Syarikat terhadap produk buatan Malaysia, serta implikasinya terhadap ekonomi negara dan hubungan perdagangan dua hala.

Pautan untuk tontonan semula: <https://www.youtube.com/watch?v=MxvgYYmXmzE>

Penyertaan

Agenda AWANI: AS-China setuju tangguh, kurangkan tariff

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Pengerusi Kluster Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial telah dijemput untuk berkongsi pandangan mengenai AS-China setuju tangguh, kurangkan tariff secara langsung pada 14 Mei 2025, 8.30 malam di Astro Awani.




Segmen ini membincangkan kesepakatan terbaharu antara Amerika Syarikat dan China untuk menangguhkan dan mengurangkan tarif selama 90 hari, serta bagaimana langkah ini mencerminkan perubahan dalam pendekatan kedua-dua negara terhadap strategi ekonomi dan ketegangan perang tarif yang berlarutan.

Pautan untuk tontonan semula: <https://tinyurl.com/5k932y93>

Penyertaan

SPM Nadi Seri Pagi: Memperkasa Pendidikan Tinggi Negara

Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Kamal Nasharuddin Mustapha, Timbalan Presiden Akademi Profesor Malaysia (APM) yang juga Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan & Inovasi), Al-Madinah International University (MEDIU) memberikan perkongsian bertajuk "Memperkasa Pendidikan Tinggi Negara" melalui rancangan SPM Nadi Seri Pagi pada 29 Mei 2025 di saluran RTM.



Pautan untuk tontonan semula: <https://www.youtube.com/watch?v=digMmEoPnvQ>

Penyertaan

Strengthening The 'O' In Mpower - Offering Help To Quit Smoking & Vaping , 07 April 2025 | TRAXX FM

Akademi Profesor Malaysia

TraXX FM
Experience the Excitement

mQuit Services
Rhazes TELEHEALTH
RAKAN mQuit 4.0
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Prof Dr Mohamad Haniki
Chairman,
Scientific Study Working Committee,
World Health Organization, Framework
Convention on Tobacco Control,
Ministry of Health, Malaysia

En Munaver Ahmad
Chief Executive Officer,
Consultant Pharmacist
Rhazes TeleHealth International Sdn Bhd,
Rakan MQuit 4.0
Ministry of Health, Malaysia

Live Radio Talks
TRAXX FM
STRENGTHENING THE 'O' IN MPOWER -
OFFERING HELP TO QUIT SMOKING & VAPING

MONDAY
07 APRIL 25

JOIN US

START AT
11:15AM

Log on Traxx FM Webcast
<https://rtmklik.rtm.gov.my/radio/nasional/traxx-fm>

Wakil APM:

1. Profesor Dr. Mohamad Haniki, Ketua Pasukan Bertindak Berhenti Merokok Kluster Perubatan dan Kesihatan APM

Penyertaan

RTD | *Political Representation and Advocacy: Amplifying Muslim Minority Voices in Policy and Governance* | 30 Mei 2025 | IAIS Malaysia

MADANI MUSLIM MINORITY
NEXUS
GLOBAL FORUM

Round Table Discussion 1 (RTD1)
**Political Representation and Advocacy:
Amplifying Muslim Minority Voices in Policy & Governance**

Date: Friday, 30 May 2025 Time: 9:00 am - 1:00 pm Venue: Boardroom, IAIS

Organized by: Main Coordinator: Partners:

IAIS RISEAP YAPEIM The Cordoba Foundation Akademi Profesor



Wakil APM:

1. Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman, Presiden APM dan Pengerusi Kluster Ekonomi, Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Sosial APM

Penyertaan

RTD | *Dakwah in Muslim Minority Communities: Challenges & Opportunities in the Age of Populism* | 30 Jun 2025 | IAIS Malaysia

MADANI MUSLIM MINORITY
NE X US
GLOBAL FORUM

Round Table Discussion 2 (RTD2)
“*Dakwah in Muslim Minority Communities:
Challenges & Opportunities in the Age of
Populism*”

Organised by

Office of the Deputy Minister in the Prime Minister's Department
(Religious Affairs)



Wakil APM:

1. Profesor Dr. Abdullah Mohd Zin, Bendahari APM

Penerbitan Kenyataan Media

Tajuk: Kluster STI, APM Lahirkan Kebimbangan Berhubung Insiden Kebakaran Paip Gas di Putra Heights, Selangor

Tarikh: 02 April 2025



KLUSTER STI, APM LAHIRKAN KEBIMBANGAN BERHUBUNG INSIDEN KEBAKARAN PAIP GAS DI PUTRA HEIGHTS, SELANGOR

1. Kluster Sains, Teknologi dan Inovasi (STI), Akademi Profesor Malaysia (APM) melahirkan rasa kebimbangan mendalam berikutan insiden letupan dan kebakaran paip penghantaran gas asli di Putra Heights, Selangor, yang dikendalikan oleh Petronas Gas Berhad (PGB). Walaupun tiada kematian dilaporkan, insiden ini telah menyebabkan kecederaan serius serta kerosakan besar kepada kediaman dan kawasan sekitar.
2. Kluster STI merakamkan ucapan takziah dan simpati kepada semua mangsa dan keluarga yang terjejas.
3. Insiden ini mengingatkan kita bahawa walaupun piawaian kejuruteraan dan operasi yang tinggi telah diterapkan, sistem infrastruktur kritikal masih terdedah kepada risiko. Ini menekankan keperluan pemantauan berterusan, tadbir urus keselamatan yang kukuh dan pengurusan risiko yang bersepadu sepanjang kitaran hayat saluran paip.
4. Sehubungan itu, Kluster STI ingin menekankan beberapa perkara penting berikut:
 - a. Perlindungan kawasan rizab paip (Right of Way – ROW) perlu diberi keutamaan. Integriti koridor paip bergantung kepada kesedaran awam, penggunaan tanah yang bertanggungjawab dan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa berkaitan.
 - b. Tindakan pantas oleh PETRONAS, YAB Perdana Menteri, Kerajaan Negeri Selangor dan semua agensi yang terlibat amat dihargai. Tindakan mereka yang bersepadu sangat penting dalam mengawal keadaan dan mengurangkan risiko yang lebih besar.
 - c. Pengurusan risiko integriti paip secara menyeluruh adalah sangat penting. Pendekatan holistik yang merangkumi reka bentuk, pemeriksaan berkala, penyelenggaraan berasaskan ramalan, pemantauan masa nyata, dan analitik data perlu diperkukuh bagi mengelakkan kejadian sebegini.
 - d. Ketahanan masa depan mesti bersifat menyeluruh dan inovatif. Pelaburan berterusan dalam teknologi pintar, kerjasama rentas agensi dan kesiapsiagaan institusi adalah kunci kepada keselamatan infrastruktur.
 - e. Siasatan yang sedang dijalankan perlu diberi ruang dan kepercayaan. Orang ramai diminta untuk tidak membuat spekulasi atau menyebarkan maklumat yang tidak sahih agar pihak berkuasa dapat menjalankan tugas dengan efisien dan profesional.
5. Ini adalah masa untuk menunjukkan empati dan solidariti nasional. Keutamaan kini ialah membantu mangsa dan mengambil pengajaran daripada insiden ini untuk memperkukuh sistem keselamatan negara.
6. Kluster STI, Akademi Profesor Malaysia, berdiri teguh bersama semua pihak yang terkesan dan mengulangi komitmennya untuk memperkukuh rangka kerja keselamatan negara serta memupuk budaya inovasi, daya tahan, dan tanggungjawab bersama.

Penerbitan Kenyataan Media

Tajuk: Press Statement on President Trump's Massive Reciprocal Tariffs:
Potential Response For Malaysia

Tarikh: 10 April 2025



APM PRESS STATEMENT PRESIDENT TRUMP'S MASSIVE RECIPROCAL TARIFFS: POTENTIAL RESPONSE FOR MALAYSIA

President Trump's recent imposition of reciprocal tariffs ranging from 10% to 125% has become a major concern across the globe. For the US, being the world's largest economy and with her investments entrenched across the global supply chain, such massive imposition constitutes not only an antithesis of her decades-long advocacy for freer trade and economic integration but an apparent display of "a player possessing a dominant strategy" in a trade game.

This may stem from the presumption by the Trump administration that the world at large, particularly the larger economies of China, EU, Mexico, Japan, and Canada may not engage in a game of tit-for-tat. We think that Malaysia, being a small open, yet globally integrated economy shall not be part of such an approach. Furthermore, not all will be lost to Malaysia no matter how risky Trump's tariffs seem to be looming. There will be trade diversions and shifts in resource allocations around the globe.

Changes in tariff differentials will be key in shaping such repercussions and the resulting new trade equilibrium. Looking at the tariff differentials across the affected countries, Malaysia seems to be in a favorable position with a higher comparative advantage. There was even an exemption accorded to Malaysian exports of semiconductors to US markets. Thus Malaysia can expect to gain from trade diversion. Nevertheless, we may not rely purely on market forces of supply-demand and changes in relative prices to determine the course of our trade relations.

We fully support our Government's line of actions in being diplomatically proactive. In our view, it is in our best interest for Malaysia to work hand-in-hand with ASEAN to undertake a common stance, via a level-headed strategy. In this regard, it will be important to bring back to mind some 15 years ago (2010-2011), when there was already a series of talks for a bilateral FTA between Malaysia and the US. While Malaysia was supportive of it, the US under the then-Obama administration was more inclined towards a plurilateral freer trade affecting many other ASEAN member countries.

To date, Singapore is the only country within ASEAN that has a comprehensive FTA with the US. A truly progressive and comprehensive regional (ASEAN)-USA FTA may thus be proposed and pursued, of course without compromising our very own socio-cultural essence that binds our nation and community. Another course of action is to rekindle the original spirit of the East Asian Economic Caucus (EAEC) as advocated by our fourth Prime Minister Tun Mahathir in the late 1990s. The EAEC is considered as the precursor to the current ASEAN+3 economic forum. New dimensions in light of Trump's tariffs shall be deliberated within the existing broad frameworks (e.g. ASEAN-China FTA, ASEAN-Japan, etc) with the aims of greater connectivity, export diversification, and overall economic freedom and resiliency. As a small and very open economy, Malaysia's traditional reliance on a single-country market, albeit a sophisticated one may not be an option anymore.

Let's steer ASEAN towards greater engagement, more inclusive, and more meaningful endeavours under the Chairmanship of Malaysia. In this particular respect, Trump's tariffs may indeed offer a sense of blessing.

Emeritus Professor Dr. Jamal Othman
President
Akademi Profesor Malaysia
10 April 2025

Penerbitan Kenyataan Media

Tajuk: Ucapan Takziah Atas Pemergian Tun Abdullah Ahmad Badawi

Tarikh: 14 April 2025



KENYATAAN MEDIA UCAPAN TAKZIAH ATAS PEMERGIAN TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI

Akademi Profesor Malaysia (APM) merakamkan ucapan takziah yang sedalam-dalamnya kepada keluarga Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi yang telah kembali ke rahmatullah pada jam 7.10 malam ini di Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur pada usia 85 tahun.

Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi telah berkhidmat sebagai Perdana Menteri ke-5 dari tahun 2003 sehingga 2009 bagi menggantikan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Pemergian beliau merupakan satu kehilangan besar bukan sahaja kepada keluarga tersayang, tetapi juga kepada seluruh rakyat Malaysia. Tun Abdullah dikenang sebagai seorang pemimpin berjiwa besar yang menekankan nilai keterbukaan, integriti, dan kesederhanaan dalam pentadbiran negara.

Antara sumbangan besar Allahyarham ialah pelaksanaan Islam Hadhari, yang memperkukuh pendekatan Islam progresif dalam masyarakat majmuk, pemerkasaan sektor pertanian serta pembangunan modal insan.

Sebagai tokoh negarawan yang disegani, gaya kepimpinan beliau yang tenang namun tegas dalam menangani isu-isu negara terus menjadi inspirasi kepada pemimpin masa kini.

APM mendoakan semoga roh Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan hamba-Nya yang beriman.

"Al-Fatihah."

Akademi Profesor Malaysia (APM)

14 April 2025

Penerbitan Kenyataan Media

Tajuk: Ucapan Takziah atas Pemergian Pope Francis

Tarikh: 22 April 2025



KENYATAAN MEDIA AKADEMI PROFESOR MALAYSIA (APM) Ucapan Takziah atas Pemergian Pope Francis

Akademi Profesor Malaysia (APM) merakamkan ucapan takziah yang setulusnya kepada seluruh komuniti Katolik sedunia serta pihak *Holy See* atas pemergian Pope Francis.

Pope Francis merupakan tokoh moral unggul pada zaman kita — seorang pemimpin rohani yang dikenali dengan sifat rendah diri, penuh belas ihsan, serta komitmen tidak berbelah bahagi terhadap keamanan yang melangkaui batas-batas Vatican. Usaha beliau yang tidak pernah mengenal penat dalam memupuk persefahaman global dan dialog antara agama telah meninggalkan kesan mendalam terhadap kemanusiaan sejagat.

Kami amat menghargai pendirian beliau yang tegas dalam memperjuangkan nasib golongan tertindas dan terpinggir, termasuk sokongan lantang terhadap keamanan di Gaza dan Palestin. Pope Francis secara konsisten menentang keganasan dan menyeru kepada perlindungan maruah insan tanpa mengira bangsa atau agama. Seruan beliau untuk penyelesaian yang adil dan berkekal dalam konflik Palestin mencerminkan keprihatinannya yang mendalam terhadap penderitaan manusia serta keyakinannya yang tulus terhadap kesucian hidup.

Dalam suasana dunia yang semakin berpecah, Pope Francis menjadi lambang penyatuan — menyeru para pemimpin dan masyarakat dunia agar memilih perdamaian berbanding permusuhan, dan dialog menggantikan pertelingkahan.

Dunia kehilangan satu suara yang berani menyuarakan kebenaran moral, namun warisan beliau dalam bidang kasih sayang, keadilan sosial, dan keamanan akan terus hidup dan menjadi inspirasi kepada generasi akan datang.

Semoga roh beliau bersemadi dengan aman.

Profesor Emeritus Dr. Jamal Othman
Presiden
Akademi Profesor Malaysia (APM)
22 April 2025

Penerbitan Kenyataan Media

Tajuk: Tragedi Kemalangan Maut Melibatkan Pelajar UPSI

Tarikh: 10 Jun 2025



KENYATAAN MEDIA AKADEMI PROFESOR MALAYSIA (APM)

TRAGEDI KEMALANGAN MAUT MELIBATKAN PELAJAR UPSI

Akademi Profesor Malaysia (APM) menzahirkan rasa dukacita yang mendalam serta merakamkan ucapan takziah kepada ahli-ahli keluarga dan sahabat handai kepada 15 orang pelajar UPSI yang telah terkorban dalam tragedi kemalangan bas di Lebuhraya Timur-Barat, Banun, Gerik, awal pagi 9 Jun ini.

APM bersama pihak UPSI, komuniti akademik dan masyarakat umum dalam saat yang sangat menyayat hati ini. Semoga roh para pelajar yang terkorban dicucuri rahmat Allah dan ditempatkan dalam kalangan mereka yang beriman. Kepada keluarga mangsa, kami doakan agar diberikan kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi ujian ini. Al-Fatihah buat mereka yang telah pergi.

APM berharap agar pihak berkuasa dapat menjalankan siasatan terperinci berhubung insiden ini demi memastikan keselamatan pelajar dan masyarakat pengguna. APM juga berpandangan tragedi ini harus membuka ruang kepada perbincangan dasar dan tata kelola yang lebih mendalam dan komprehensif mengenai tahap keselamatan sistem pengangkutan awam di Malaysia, khususnya yang melibatkan pelajar, pekerja dan perjalanan berkumpulan.

Berdasarkan rekod kemalangan, APM mencadangkan lapan (8) langkah berikut perlu segera diberi perhatian pihak berkuasa:

- 1. Kawal Selia Ketat Kenderaan Sewa & Perjalanan Malam**
Penguatkuasaan lebih ketat diperlukan terhadap syarikat bas sewaan dan aktiviti perjalanan malam yang berisiko tinggi.
- 2. Pengurusan Risiko oleh Syarikat Bas**
Ini merangkumi penilaian kompetensi dan tabiat pemanduan, pengurusan kelajuan, dan audit keselamatan dalaman yang berkala.
- 3. Teknologi Keselamatan Dalam Bas**
Sistem pemantauan kelajuan, amaran awal, serta bantuan pemandu harus dimantapkan, terutama bagi laluan berisiko dan waktu malam.
- 4. Pemakaian Tali Pinggang Keledar**
Penggunaan tali pinggang keledar dalam bas, terutama untuk perjalanan jauh, perlu diwajibkan melalui pindaan undang-undang.

Penerbitan Kenyataan Media

Tajuk: Tragedi Kemalangan Maut Melibatkan Pelajar UPSI

Tarikh: 10 Jun 2025

5. Rekabentuk dan Struktur Bas

Semua bas mesti mematuhi piawaian keselamatan tertinggi, disahkan oleh pihak berkuasa seperti PUSPAKOM, bagi memastikan ketahanan struktur semasa perlanggaran.

6. Keadaan dan Infrastruktur Jalan Raya

Jalan-jalan berisiko tinggi serta rentan kemalangan perlu dinaik taraf dengan sistem amaran dan penyelenggaraan berterusan bagi menjamin keselamatan pengguna.

7. Tadbir Urus Pengangkutan Perdagangan

Diperlukan satu sistem tadbir urus yang lebih berkesan untuk memastikan dasar dan penguatkuasaan berkaitan keselamatan kenderaan perdagangan dilaksanakan secara menyeluruh.

8. Platform Tadbir Urus Keselamatan Jalan Raya

Terdapat keperluan menubuh semula satu badan tertinggi negara bagi menyelaraskan dasar keselamatan jalan raya secara bersepadu dan berimpak tinggi.

APM juga berpandangan bahawa peranan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan badan-badan berkaitan perlu diperkukuh dalam merangka dasar keselamatan jalan raya yang lebih bersepadu dan berkesan.

APM bersedia menyumbang kepakaran pelbagai disiplin dalam merangka penyelesaian jangka panjang demi keselamatan pengguna semasa dan masa depan.

Majlis Akademi Profesor Malaysia

10 Jun 2025

Penerbitan Media Massa

Tajuk: *Gas pipeline blaze: Professional bodies call for thorough review of safety measures, better risk management*

Sumber: The Edge | 02 April 2025


KUALA LUMPUR – Professional bodies on Wednesday urged a comprehensive review of safety measures for fire-prone facilities near residential areas, following a Petronas gas pipeline breach that caused a massive blaze on Tuesday, injuring hundreds and damaging numerous properties.

The Science, Technology and Innovation (STI) Cluster of the Academy of Professors Malaysia (APM), in a separate statement, highlighted right of way – the legal space in which construction can happen – protection as crucial for maintaining pipeline integrity.

It said this requires ongoing public awareness, responsible land-use practices and strict enforcement by relevant authorities.

APM added that integrated pipeline integrity risk management is also essential.

It said strategies that combine design excellence, proactive inspections, predictive maintenance, real-time monitoring and data analytics must be enhanced to prevent future incidents.



Looking forward, resilience should focus on future investments in smart technologies, improved cross-agency collaboration and strengthened institutional preparedness to ensure better infrastructure safety.

APM also called for the investigation into the incident to be carried out independently and transparently.

APM was established in 2019 at the suggestion of the Cabinet. It is a think tank that combines the expertise and mobilises the strategic thinking of professors to develop the society.

APM was established in 2019 at the suggestion of the Cabinet. It is a think tank that combines the expertise and mobilises the strategic thinking of professors to develop the society.

Pautan: <https://theedgemalaysia.com/node/749996>

Penerbitan Media Massa

Tajuk: Pantau kawasan rizab paip gas elak kejadian sama berulang

Sumber: Utusan Malaysia | 02 April 2025

PETALING JAYA: Kawasan rizab saluran paip gas perlu diberikan perhatian serius dan dipantau secara berterusan bagi menjamin keselamatan awam serta mengelakkan insiden seperti letupan di Putra Heights, Subang Jaya, kelmarin daripada berulang.

Kluster Sains, Teknologi dan Inovasi (STI), Akademi Profesor Malaysia (APM) berkata, tragedi letupan dan kebakaran saluran paip gas asli baru-baru ini membuktikan bahawa infrastruktur kritikal seperti itu tetap berisiko mengalami kerosakan meskipun dibina mengikut piawaian.

Katanya, pengurusan risiko saluran paip gas tidak boleh dibuat secara sambil lewa, sebaliknya perlu dirancang secara menyeluruh dan strategik.

"Tragedi ini menunjukkan betapa pentingnya pemantauan yang konsisten, pengurusan keselamatan yang ketat dan sistem kawalan risiko yang menyeluruh sepanjang tempoh penggunaan saluran paip.



"Oleh itu, pengurusan risiko perlu dimulakan seawal peringkat reka bentuk, diikuti dengan pemeriksaan berkala, penyelenggaraan berdasarkan jangkaan kerosakan, pemantauan secara masa nyata, serta penggunaan teknologi data bagi mengesan sebarang potensi masalah lebih awal," katanya dalam kenyataan.

Selain itu, Kluster STI turut menyatakan kebimbangan berhubung insiden yang melibatkan saluran paip gas di bawah seliaan Petronas Gas Berhad (PGB).

"Oleh itu, pelaburan berterusan dalam teknologi pintar, kerjasama erat antara agensi, serta tahap kesiapsiagaan institusi yang tinggi amat penting bagi menjamin keselamatan infrastruktur negara dalam jangka masa panjang.

"Walaupun kejadian tersebut tidak melibatkan kehilangan nyawa, ia tetap mengakibatkan kecederaan dan kerosakan harta benda penduduk di kawasan terjejas," katanya.

Sementara itu, semua pihak diseru menunjukkan empati dan solidariti kepada mangsa yang terkesan selain mengambil iktibar daripada kejadian ini untuk menambah baik sistem keselamatan negara. Pautan: <https://tinyurl.com/2tcdhe69>

Penerbitan Media Massa

Tajuk: Lindungi segera kawasan rizab paip gas

Sumber: Berita Harian | 02 April 2025

KUALA LUMPUR: Perlindungan kawasan rizab paip atau 'Right of Way' (ROW) perlu diberi keutamaan, susulan letupan paip gas petroleum cecair (LPG) bawah tanah menggegarkan kawasan penempatan di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Subang Jaya, sehingga mencetuskan kebakaran besar, pagi semalam.

Kluster Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Akademi Profesor Malaysia (APM) dalam kenyataan berkata, integriti koridor paip bergantung kepada kesedaran awam, penggunaan tanah yang bertanggungjawab dan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa berkaitan yang berkesan bagi mengelakkan insiden tidak diingini berlaku.

Katanya, keperluan pemantauan berterusan, tadbir urus keselamatan yang kukuh dan pengurusan risiko yang bersepadu sepanjang kitaran hayat saluran paip gas juga adalah amat penting.

Insiden berkenaan juga mengingatkan semua bahawa walaupun piawaian kejuruteraan dan operasi yang tinggi telah diterapkan, sistem infrastruktur kritikal masih terdedah kepada risiko

"Selain perlindungan kawasan rizab paip atau ROW, faktor pengurusan risiko integriti paip secara menyeluruh adalah sangat penting bagi mengelakkan insiden sama berulang.

"Ia terutama membabitkan pendekatan holistik yang merangkumi reka bentuk, pemeriksaan berkala, penyelenggaraan berasaskan ramalan, pemantauan masa nyata, dan analitik data perlu diperkukuh bagi mengelakkan kejadian sebegini.

"Ketahanan masa depan (paip gas) juga mesti bersifat menyeluruh dan inovatif supaya pelaburan berterusan dalam teknologi pintar, kerjasama rentas agensi dan kesiapsiagaan institusi adalah kunci kepada keselamatan infrastruktur," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Mengulas lanjut, STI APM turut melahirkan kebimbangan berhubung insiden letupan dan kebakaran paip penghantaran gas asli di Putra Heights, Selangor yang dikendalikan oleh Petronas Gas Berhad (PGB) itu.

"Kluster STI merakamkan ucapan takziah dan simpati kepada semua mangsa dan keluarga yang terjejas," katanya.

STI APM turut menegaskan siasatan yang sedang dijalankan pihak berkuasa termasuk agensi terbabit perlu diberi ruang dan kepercayaan.

"Orang ramai diminta untuk tidak membuat spekulasi atau menyebarkan maklumat yang tidak sahih agar pihak berkuasa dapat menjalankan tugas dengan efisien dan profesional.

"Tindakan pantas oleh PETRONAS, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Kerajaan negeri Selangor dan semua agensi yang terbabit amat dihargai, ini kerana tindakan bersepadu sangat penting dalam mengawal keadaan dan mengurangkan risiko yang lebih besar," kata kenyataan itu. Pautan: <https://tinyurl.com/2794z5yn>

Penerbitan Media Massa

Tajuk: Letupan paip Putra Heights: Tiada sistem yang kebal terhadap risiko

Sumber: Malaysia Gazette | 03 April 2025

LETUPAN paip gas baru-baru ini di Putra Heights, Selangor, telah mengejutkan negara. Insiden ini mencederakan ramai penduduk, merosakkan atau memusnahkan hampir 200 buah rumah, dan menyebabkan ramai penduduk kehilangan tempat tinggal dan harta. Walaupun tiada kematian dilaporkan, gangguan dan kesan emosi ke atas komuniti terjejas amat besar.



Paip tersebut dikendalikan oleh Petronas Gas Berhad (PGB), anak syarikat kepada syarikat tenaga negara Petronas. Dengan kerjasama rapat bersama pasukan kecemasan dan agensi pengurusan bencana, Petronas bertindak pantas untuk mengawal keadaan dan membantu komuniti terlibat.

Namun begitu, hakikat letupan masih boleh berlaku walaupun dengan reputasi cemerlang dan standard operasi bertaraf dunia membuktikan bahawa tiada sistem yang benar-benar kebal terhadap risiko yang tidak dijangka.

Pengajaran Global: Risiko masih wujud

Kegagalan paip telah berlaku di seluruh dunia—walaupun di negara yang mempunyai infrastruktur maju dan peraturan keselamatan yang ketat. Letupan San Bruno di California (2010) mengorbankan 8 orang dan memusnahkan 38 rumah akibat kimpalan yang rosak. Di Carlsbad, New Mexico (2000), pengaliran dalaman menyebabkan letupan maut yang meragut 12 nyawa.

Tragedi serupa di Belgium (Ghislenghien, 2004), yang membunuh 24 orang termasuk anggota bomba, dan di British Columbia, Kanada (2018), menunjukkan bagaimana risiko seperti kerosakan akibat pihak ketiga, pengaliran atau retakan boleh menjadi bencana besar jika terlepas pandang.

Insiden-insiden ini membuktikan bahawa walaupun sistem diurus dengan baik, ia tetap terdedah kepada kegagalan. Masalah kecil yang tidak ditangani boleh menjadi ancaman besar.

Pautan: <https://tinyurl.com/mr4yt5kw>

Penerbitan Media Massa

Tajuk: Letupan paip Putra Heights: Tiada sistem yang kebal terhadap risiko

Sumber: Malaysia Gazette | 03 April 2025

Oleh itu, pemantauan berterusan, budaya keselamatan yang kukuh, dan pengurusan risiko bersepadu amat penting—bukan hanya untuk bertindak balas apabila berlaku kegagalan, tetapi untuk mencegahnya lebih awal. Di Amerika Utara, hampir 7,000 insiden paip direkodkan antara 2010 hingga 2021.

Pada tahun 2020 sahaja, kegagalan paip di Amerika Syarikat menyebabkan kerugian melebihi AS\$339 juta. Antara puncanya termasuk kegagalan peralatan, pengajaran, kesilapan manusia dan faktor luaran seperti pergerakan tanah atau pembinaan haram berhampiran paip. Statistik ini mengesahkan bahawa risiko tidak boleh dihapuskan sepenuhnya—hanya boleh diminimumkan.

Rekod Malaysia dan pengajaran penting

Malaysia secara umumnya mengekalkan rekod keselamatan paip yang baik, khususnya di bawah pengawasan PETRONAS sejak 50 tahun yang lalu. Syarikat ini telah melaksanakan Sistem Pengurusan Integriti Paip Bersepadu (IPIMS) yang selaras dengan amalan terbaik antarabangsa, merangkumi strategi pemeriksaan, penyelenggaraan dan pemantauan.

Namun, insiden seperti kebakaran paip di Port Dickson (1992), kebakaran Paip Gas Sabah-Sarawak (2022), dan kini letupan Putra Heights, menunjukkan bahawa sistem yang mantap sekalipun perlu terus ditambah baik. Letupan di Putra Heights menandakan satu titik perubahan—bukan sahaja dari segi kemusnahan fizikal, tetapi kerana lokasinya di kawasan perumahan padat dan impak emosi ke atas komuniti yang terjejas.

Malah boleh mengakibatkan kemalangan jiwa. Ia mencerminkan corak global: sistem yang kelihatan kukuh masih boleh gagal apabila risiko muncul atau dipandang enteng.

Ini sepatutnya dilihat sebagai satu seruan nasional. Ia menekankan keperluan segera untuk memperkukuh semua aspek ramalan dan pengurusan risiko—terutamanya di kawasan bandar yang mempunyai tahap pendedahan dan impak yang tinggi.

Selain meningkatkan amalan operasi, mungkin sudah tiba masanya untuk menyemak semula piawaian teknikal reka bentuk dan keselamatan paip. Peralihan daripada pembaikan reaktif kepada budaya keselamatan bersepadu dan proaktif adalah penting, berteraskan akauntabiliti, pandangan jauh dan kerjasama antara semua pihak berkepentingan.

Penyelesaian lebih pintar: Pengurusan risiko bersepadu

Walaupun Petronas telah melaksanakan Sistem Pengurusan Integriti Paip Bersepadu (IPIMS), insiden di Putra Heights menyerlahkan keperluan untuk pengukuhan dan penambahbaikan.

Tumpuan kini perlu beralih daripada sekadar pelaksanaan kepada kematangan sistem—dengan memastikan integrasi yang lancar, penggunaan data yang pintar, dan penyelarasan keputusan di semua peringkat operasi.

Pautan: <https://tinyurl.com/mr4yt5kw>

Penerbitan Media Massa

Tajuk: Letupan paip Putra Heights: Tiada sistem yang kebal terhadap risiko

Sumber: Malaysia Gazette | 03 April 2025

Meskipun rekod keselamatan paip negara secara keseluruhannya kekal baik, risiko yang semakin berkembang hari ini memerlukan pendekatan yang lebih sistematik dan menyeluruh. Di sinilah kerangka Pengurusan Risiko Integriti Paip Bersepadu (IPIRM) menjadi sangat penting.

IPIRM ialah satu strategi holistik yang menggabungkan data, teknologi canggih, tenaga kerja berkemahiran, dan kesiapsiagaan kecemasan untuk meramalkan serta mencegah kegagalan—sebelum ia berlaku. Komponen utama IPIRM termasuk:

- Pengesanan awal ancaman – seperti pengaratan, penggalan pihak ketiga, dan pergerakan tanah.
- Teknologi pemeriksaan pintar dan canggih – Alat seperti pemeriksaan dalam talian (ILI) digunakan secara meluas untuk mengesan karat, retakan dan kecacatan lain. Cabaran sebenar kini ialah menganalisis dan mengintegrasikan data ini dengan bijak. Lebih banyak tumpuan perlu diberikan kepada penukaran data pemeriksaan dan operasi kepada maklumat risiko ramalan dan keputusan yang lebih pintar.
- Analitik berkuasa AI dan kembar digital (digital twin) – Model kecerdasan buatan dan pembelajaran mesin boleh menganalisis data sejarah dan masa nyata untuk meramalkan titik potensi kegagalan. Penemuan ini dimasukkan ke dalam sistem kembar digital—salinan maya paip sebenar—untuk mensimulasikan tekanan, degradasi, atau senario kecemasan bagi pengurusan aset yang lebih proaktif.
- Penguatkuasaan Laluan Rezab (ROW) – melalui pemantauan dron, satelit dan peruntukan undang-undang.
- Personel dan kepimpinan yang kompeten – untuk membuat keputusan tepat pada masanya. Kompetensi perlu diperkasa bukan sahaja dalam Petronas, tetapi di sepanjang rantai nilai termasuk vendor, kontraktor dan agensi penyokong.
- Keselamatan sebagai nilai bersama – bukan sekadar tanggungjawab, tetapi budaya yang dihayati oleh semua pihak dalam organisasi.

Dengan IPIRM, pengendali paip boleh bergerak daripada bertindak balas kepada meramalkan—dan akhirnya mencegah—kegagalan.

Daripada kesedaran kepada tindakan

Letupan di Putra Heights menjadi peringatan besar kepada semua kemudahan berisiko tinggi yang terletak berhampiran kawasan berpenduduk—termasuk loji petrokimia, stesen janakuasa dan depot bahan api. Kemudahan ini perlu menilai semula protokol kecemasan, model risiko dan strategi komunikasi awam mereka. Ketelusan dan kesiapsiagaan bukan lagi pilihan—ia adalah jangkaan asas oleh komuniti.

Insiden ini bukan sekadar kegagalan infrastruktur, tetapi ujian terhadap pandangan jauh dan daya tahan sistem. Petronas telah bertindak secara profesional, namun tanggungjawab untuk keselamatan masa depan kini perlu dikongsi bersama—oleh pengawal selia, pengendali, kontraktor dan orang awam.

Pautan: <https://tinyurl.com/mr4yt5kw>

Penerbitan Media Massa

Tajuk: Letupan paip Putra Heights: Tiada sistem yang kebal terhadap risiko

Sumber: Malaysia Gazette | 03 April 2025

Bagi komuniti yang tinggal berhampiran laluan paip, penting untuk difahami bahawa sistem paip negara dikawal selia dengan ketat dan dipantau secara berterusan.

Artikel ini bukan bertujuan menimbulkan panik, tetapi untuk menyokong budaya keselamatan, keterbukaan dan kesiapsiagaan secara berterusan. Malaysia mempunyai kepakaran teknikal dan keupayaan institusi untuk memimpin dalam inovasi keselamatan.

Tetapi kepimpinan ini memerlukan anjakan pemikiran—daripada prosedur kepada pencegahan, dan daripada pematuhan kepada budaya kerana keselamatan paip bukan sekadar tentang infrastruktur. Ia tentang manusia. Dan masanya untuk bertindak ialah sekarang. Pautan: <https://tinyurl.com/mr4yt5kw>



Penulis adalah Profesor Bersara dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan ahli Kumpulan Penyelidikan RESA (Reliability Engineering and Safety Assessment), dengan pengkhususan dalam bidang Integriti Struktur dan Pengurusan Risiko. Kini beliau merupakan Sarjana Pelawat Fulbright US-ASEAN di University of Wyoming, Amerika Syarikat.

Penerbitan Media Massa

Tajuk: *Putra Heights Tragedy: Lessons For High Risk Infrastructure*

Sumber: Business Today | 03 April 2025



The recent gas pipeline explosion at Putra Heights, Selangor, has shaken the nation. The incident injured hundreds, damaged or destroyed close to 200 homes, and displaced many residents. While there were no fatalities, the disruption and emotional toll on affected communities were significant.

The pipeline was operated by Petronas Gas Berhad (PGB), a subsidiary of PETRONAS—Malaysia’s respected national energy company. In close coordination with emergency responders and disaster relief agencies, PETRONAS acted swiftly to contain the situation and support the affected community. Despite these efforts and the company’s strong reputation for operational excellence, the incident is a sobering reminder that even highly regulated systems are still vulnerable to unforeseen risks.

Global Pipeline Lessons: Risks That Persist

Pipeline failures have occurred across the world—even in countries with advanced infrastructure and strict safety regulations. The San Bruno explosion in California (2010) killed 8 people and destroyed 38 homes due to faulty welds. In Carlsbad, New Mexico (2000), internal corrosion went undetected, resulting in a fatal blast that claimed 12 lives. Similar tragedies in Belgium (Ghislenghien pipeline, 2004) that killed 24 people and British Columbia pipeline in Canada (2018) show how overlooked risks like third-party damage, cracks or aging infrastructure can escalate into national disasters.

